

SOALAN NO: 19

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad
Abdullah [Mukah]

TARIKH : 15 Mac 2018 (Khamis)

SOALAN : Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad
Abdullah [Mukah] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan apakah jenis penyelidikan dan
pembangunan (R&D) yang telah dilakukan di
peringkat Kementerian ke arah
menjenamakan madu kelulut sebagai
'Superfood' pertama Malaysia di peringkat
antarabangsa serta apakah **sasaran**
Kementerian dalam meningkatkan jumlah
penternak lebah kelulut dalam tempoh lima
tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengenal pasti madu kelulut sebagai salah satu hasil pertanian yang bernilai tinggi sebagai makanan kesihatan tambahan dan berpotensi untuk dipasarkan di pasaran antarabangsa. Bagi maksud tersebut, MOA telah melaksanakan kajian dan penyelidikan untuk mengenalpasti bahan utama dalam madu kelulut yang memberikan pelbagai zat dan khasiat yang baik kepada manusia. Hasil kajian ini mendapati bahawa madu kelulut mempunyai kandungan gula (fruktosa, glukosa, maltosa dan sukrosa) yang lebih rendah dan mengandungi asid fenolik (bahan antioksidan mudah serap) yang lebih tinggi berbanding madu tempatan atau madu import.

Bagi memperkenalkan madu kelulut di peringkat antarabangsa, MOA melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) juga telah membangunkan *Malaysian Standard (MS) 2683:2017 Kelulut (Stingless bee) Honey-Specification* yang menetapkan keperluan kualiti, pensampelan, penyediaan sampel ujian, kaedah ujian, kebersihan, pembungkusan dan pelabelan bagi madu kelulut yang dihasilkan oleh lebah kelulut daripada jenis *Meliponini*. Di samping itu juga, MS 2679:2017 Amalan Pertanian Baik Pemeliharaan Lebah (Tribus Apini) dan Kelulut (Tribus *Meliponini*) telah dibangunkan sebagai panduan dalam aktiviti pemeliharaan lebah untuk tujuan penghasilan madu.

Pada masa ini, bilangan penternak kelulut adalah seramai 717 orang dengan jumlah pengeluaran adalah sebanyak 138.5 tan metrik. MOA telah merancang bagi membangunkan 100 penternak kelulut setiap tahun. Seramai 1,217 penternak kelulut dijangka dapat dicapai dalam tempoh 5 tahun akan datang. Bagi menggalakkan penglibatan usahawan dalam penghasilan madu kelulut, MOA menyediakan khidmat nasihat teknikal, latihan dan pusat pengumpulan serta pembiayaan di bawah Program Agroprenuer Muda, TEKUN dan Agrobank.